

D325

U B064 AAB
TOL - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 9 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN SEDIA Mencari jalan menyelesaikan isu kutipan tol di jalan Cheras tetapi pada masa yang sama memberi amaran kepada pihak-pihak tertentu supaya tidak menggunakan sentimen perkauman dalam masalah itu bagi kepentingan politik mereka.

+INI BERGANTUNG...JIKA MEREKA MENGGUNAKAN SALURAN YANG BETUL, TIDAK MENUNJUK PERASAAN DAN TIDAK MEMBENARKAN DIRI MEREKA DIPERALATKAN OLEH AHLI-AHLI POLITIK,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PARA PESERTA WALKATON BAKTI DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI BERKATA KINI SUDAH ADA TANDA-TANDA KECENDERUNGAN PIHAK TERTEUTU UNTUK MENGGUNAKAN SENTIMEN PERKAUMAN BERHUBUNG ISU TERSEBUT.

+SAYA BERASA AMAT DUKACITA KERANA ADA TUDUHAN MENGATAKAN KERAJAAN SENGAJA HENDAK MENGENAKAN TOL DI KAWASAN CHERAS KERANA IA KAWASAN ORANG-ORANG CINA,+ KATANYA Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai sangat bahaya.

+DALAM NEGARA KITA, JANGAN MAIN SOAL KAUM. DAN DALAM USAHA KITA HENDAK BETULKAN PERHUBUNGAN ANTARA KAUM, DATANG AHLI-AHLI POLITIK INI, YANG KITA TAHU DIA SIAPA, MENGATAKAN KONONNYA KERAJAAN SENGAJA NAIKKAN TOL KERANA KAWASAN CHERAS INI PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG CINA,+ KATANYA.

-- LAGI

1521MST 09 09 90

D326

U B066 AAB
TOL - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA POLIS AKAN MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG TANPA MENGIRA SAMA ADA SESEORANG ITU ANGGOTA PARLIMEN ATAU BERGELAR TAN SRI JIKA PADA PENDAPAT MEREKA KESALAHAN YANG DILAKUKAN ITU TERMASUK DALAM KATEGORI YANG BOLEH DITAHAN.

DITANYA MENGENAI PENAHANAN EMPAT ORANG ANGGOTA DAP, TERMASUK ANGGOTA PARLIMEN SUNGAI BESI ENCIK TAN KOK WAI (DUA DARINYA DILEPASKAN KEMUDIAN), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +SAYA TIDAK TERLIBAT SEHINGGA DUA BULAN LAGI+.

ENCIK TAN DITAHAN DI BAWAH SEKSYEN 73 AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) YANG MEMBENARKAN POLIS MENAHANNYA SEHINGGA DUA BULAN UNTUK DISOALSIASAT KERANA DISYAKI TERBABIT DALAM TUNJUK PERASAAN ANTI-TOL DI PLAZA TOL JALAN CHERAS MALAM KELMARIN, DAN SELEPAS TEMPOM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI MENTERI DALAM NEGERI, BOLEH MENGELUARKAN PERINTAH TAHANAN SETERUSNYA.

+SAYA JUGA TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA JIKA PIHAK POLIS INGIN MENCADANGKAN SUPAYA BELIAU DIBEBASKAN ATAU DITAHAN,+ KATANYA.

SEJAK 1 SEPT, KERETA YANG MELINTASI PLAZA TOL DI SITU DIKENAKAN \$1 DAN KENDERAAN BERAT \$2. TOL DIKENAKAN SELEPAS JALAN TERSEBUT DIPERBESARKAN DI BAWAH PROJEK PENSWASTAAN UNTUK MENGURANGKAN KESESAKAN LALU LINTAS DI SITU.

-- LAGI

1524MST 09 09 90

0327

U 8067 AAB
TOL - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR & & &

MENGENAI DESAS-DEŞUS KONONNYA SATU TUNJUK PERASAAN HENDAK
DIADAKAN DI PLAZA TOL JALAN PAHANG DI SINI ESOK, PERDANA MENTERI
BERKATA CARA SEPERTI ITU TIDAK AKAN MEMBAWA KEPADA KEBAIKAN.

+KITA BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH KERANA NEGARA KITA AMAN,
TETAPI NAMPAKNYA ORANG-ORANG INI TIDAK SERONOK KEPADA KEAMANAN,+
KATANYA. -- BERNAMA

1525MST 09 09 90